

SURAT SETUJU TERIMA

MPC.100-14/1/23

14 Julai 2021

SALAM CONSULTANCY

Lot 3338, Jalan Desa Vista
Kg. Jenderam Hulu, 43800 Dengkil
Selangor Darul Ehsan
(U/P : Dr. Muhammad bin Omar)

PELANTIKAN PEMBEKAL KEPADA SALAM CONSULTANCY BAGI PERKHIDMATAN VIRTUAL TRAINING FOR PLWS IMPLEMENTATION (VT-PLWS)

Dengan ini dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah bersetuju menerima tawaran sebut harga syarikat tuan dengan harga sebanyak **Ringgit Malaysia Enam Puluh Tiga Ribu Satu Ratus Enam Puluh Lapan sahaja (RM63,168.00)** (termasuk 6% SST) yang merupakan harga kontrak bagi tempoh kontrak selama 2 bulan tertakluk kepada dokumen sebut harga yang menjadi sebahagian daripada perolehan ini dan Surat Setuju Terima ini berserta dengan Lampiran A kepada Surat Setuju Terima iaitu maklumat terperinci kontrak (selepas ini disebut sebagai "Surat ini").

2. Dengan pengakuan penerimaan Surat ini, suatu kontrak yang mengikat terbentuk antara Kerajaan dengan syarikat tuan. Walau bagaimanapun, pelantikan ini adalah tertakluk kepada persetujuan harga **yang telah dinyatakan dalam dokumen rundingan harga oleh pihak tuan berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan seperti jadual di bawah.**

Jadual Fasa Pembayaran:

Fasa	Program/Aktiviti	Jumlah (termasuk 6% SST)
1	Membangunkan Rangka Kerja Pengurusan Prestasi dan Pengenalan kepada PLWS	RM15,792.00
2	Membangunkan Matrik Pengukuran KPI	RM15,792.00
3	Membangunkan Sasaran Prestasi dan Kompetensi Organisasi	RM15,792.00
4	Memuktamadkan Kaedah Pelaksanaan PLWS	RM15,792.00
Jumlah termasuk 6 % SST		RM63,168.00

3. Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh MPC, syarikat tuan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak Kerajaan. Sekiranya syarikat tuan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, MPC berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan *Denda/ Tolakan/ *Liquidated & Ascertained Damages* (LAD) seperti yang ditetapkan dalam Lampiran A.

4. Syarikat tuan juga adalah diingatkan bahawa Kerajaan berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- a. syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 3 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- b. syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Pembida Berjaya;
- c. syarikat tuan telah membuat salah nyataan (misrepresentation) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Kerajaan bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- d. syarikat tuan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- e. syarikat tuan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses *sebut harga/tender sehingga dokumen kontrak ditandatangani;
- f. syarikat tuan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan Kerajaan terlebih dahulu;
- g. syarikat gagal menyempurnakan perkhidmatan/membekalkan barang dalam tempoh yang ditetapkan seperti di Lampiran A;
- h. syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen sebut harga;
- i. syarikat tuan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
- j. syarikat tuan digulungkan;
- k. syarikat tuan membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;
- l. syarikat gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau Service Level Agreement;
- m. syarikat tuan tidak mendapat kelulusan daripada Kerajaan terlebih

dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa;atau

- n. terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.
5. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 4, MPC tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat tuan termasuk kerugian masa hadapan.
 6. Bersama-sama Surat ini disertakan **Surat Akuan Pembida Berjaya dan Surat Akuan Sumpah Syarikat** seperti di **Lampiran B dan Lampiran C** untuk ditandatangani oleh syarikat tuan dan dikembalikan bersama-sama dengan Surat ini.
 7. Surat ini dihantar kepada syarikat tuan dalam tiga (3) salinan. **Sila kembalikan ke pejabat ini salinan asal dan kedua berserta lampiran yang berkaitan yang telah ditandatangani dengan sempurna oleh syarikat tuan dan saksi syarikat tuan tidak melebihi 7 hari dari tarikh Surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya.** Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan Kerajaan tidaklah dengan apa-apa jua bertanggungjawab terhadap syarikat tuan.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ABDUL LATIF HAJI ABU SEMAN)

Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

**PENGAKUAN PENERIMAAN SURAT SETUJU TERIMA DAN LAMPIRAN
YANG BERKAITAN OLEH SYARIKAT**

Dengan ini disahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan Surat ini dan lampiran yang berkaitan yang rujukannya ialah MPC.100-14/1/23 bertarikh 14 Julai 2021 dan bersetuju dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Surat ini tanpa syarat yang mana salinan kepada Surat ini telah disimpan, dan selanjutnya disahkan bahawa tiada apa-apa terma, syarat atau stipulasi tambahan kepada yang terkandung Surat ini telah dikenakan.

.....
Tandatangan Perunding

Nama Penuh:

No. Kad Pengenalan:

Alamat:

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh:

No. Kad Pengenalan:

Alamat:

Tarikh:.....

Tarikh:.....

Meterai atau Cop Perunding

Tarikh:

**potong mana yang tidak berkenaan*